


Tun Dr Mahathir ketika mengadakan mesyuarat dua hala dengan Abe di Tokyo. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya (dua dari kiri).



JBIC sedia bantu KL: Abe

BH-1/6/2019 m/s: 2

➔ Jepun sokong jika negara tambah terbitan bon Samurai pada masa depan

kal dan daya tahan strategik Malaysia.

Abe dan Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan mesyuarat dua hala di Pejabat Perdana Menteri Jepun itu di Nagato-cho, Chiyoda-ku, di sini semalam.

Mengulas perkara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia amat menghargai bantuan berkenaan dan mempelawa Jepun untuk terus menerbitkan bon atau sukuk di Malaysia.

Tingkat portfolio kewangan

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan dapat meningkatkan portfolio kewangan dan meminimumkan risiko pertukaran asing bagi Malaysia.

Menurut satu kenyataan bersama Kerjasama Malaysia-Jepun, kedua-dua pemimpin berkenaan turut bersependapat bahawa sebarang usaha antara dua kerajaan akan menyumbang ke arah memperkukuh kerjasama strategik Tokyo-Kuala Lumpur.

Mesyuarat itu turut mengambil maklum mengenai penyelidikan komprehensif bagi tujuan penambahbaikan aspek pengangkutan di Malaysia yang sedang dilaksanakan oleh satu

kumpulan Jepun.

Penyelidikan yang merangkumi pengangkutan darat, laut dan udara serta skop pengangkutan penumpang dan penghantaran kargo, juga dilaporkan berjalan lancar dan laporan akhir dijangka dapat dikemukakan pada Ogos.

Ia antara lain menyenaraikan cadangan bagi komposisi optimum pelbagai mod pengangkutan berbeza serta kaedah bagi memaksimumkan penggunaan rangkaian laluan kereta api sedia ada.

Laporan akhir itu juga dijangka menawarkan cara bagi mempertingkatkan keberkesanan setiap mod pengangkutan seperti rel, jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan serta jaringan kesalinghubungan antara semuanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menyuarakan terima kasih atas program latihan modal insan bagi jurutera rel Malaysia yang disediakan oleh pihak JR Kyushu dan JR Freight.

Kenyataan itu menyebut, turut dibincang ialah hasrat Universiti Tsukuba membuka cawangan kampusnya di Malaysia yang jika menjadi kenyataan, akan muncul universiti Jepun

pertama membuka cawangan di luar negara berkenaan.

Dr Mahathir dan Abe berharap perkara itu dapat dimuktamadkan dan dicontohi universiti lain dari Jepun.

Sementara itu, kedua-dua pemimpin turut memperakui kepentingan melaksanakan kerjasama pertahanan berdasarkan perjanjian sedia ada, membabitkan pemindahan peralatan dan teknologi pertahanan, selain memorandum berhubung kerjasama serta pertukaran pertahanan.

Jepun dan Malaysia juga akan berganding bahu ke arah melihara kebebasan, keterbukaan dan keamanan bersama berdasarkan undang-undang di rantau Indo-Pasifik di kedua-dua sisi Selat Melaka yang merangkumi Laut China Selatan dan Lautan Hindi.

Dalam soal ini, Dr Mahathir menekankan perlunya keselamatan pelayaran dipelihara dan berharap Jepun dapat membantu melaksanakannya.

Beliau berkata, Malaysia juga berminat mempelajari dari Jepun mengenai pengurusan dan tindak balas membabitkan insiden tumpahan minyak.



Veena Rusli

veena@bh.com.my

➔ Tokyo, Jepun

Japan Bank for International Cooperation (JBIC) sedia menimbang menyalurkan sokongan yang diperlukan jika Malaysia berhasrat menambah terbitan bon Samurai pada masa depan, kata Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe.

Ini susulan kejayaan terbitan bon Samurai bernilai 200 bilion yen (kira-kira RM7.4 bilion) yang dijamin oleh JBIC pada Mac 2019 yang dijangka membantu meningkatkan kemapanan fis-